



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**17 November 2021
12 Rabiulakhir 1443h**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Kerang kampak rezeki penduduk Pantai Bachok
Berita Harian	
Harian Metro	
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Peniaga akur ‘haram’ jual telur penyu
Sinar Harian	
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY	14	17/11/2021
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		

14 | Negara!

Pindaan Enakmen Penyu Terengganu 1951 akan dibentangkan pada sidang DUN

Peniaga akur 'haram' jual telur penyu

Oleh TENGKU DANISH BAHRI
TENGKU YUSOFF

KUALA TERENGGANU — Peniaga telur penyu akur dengan keputusan kerajaan negeri Terengganu yang mengharumkan penjualan makanan eksotik tersebut sepenuhnya mulai tahun hadapan.

Salah seorang peniaga, Rosila Yasin, 57, berkata, dia tidak mahu mengambil risiko melanggar undang-undang bila pun perintahannya terhadap telur penyu kekal tinggi pada masa ini.

"Harga telur penyu pun tengah melambung tinggi iaitu RM10 se biji berbanding kebiasaan RM4 hingga RM6 sebiji."

"Begiltupun saya akur dan akan berhenti menjual telur penyu berikut pengharamannya kerana tidak mahu mengambil risiko dikompaun," katanya ketika ditemui di Pasar Besar Kedai Payang di sini semalam.

Rosila berkata, dia percaya perniagaannya tidak akan terjejas teruk bila pun penjualan telur penyu itu memberi keuntungan lumayan kerana ia bukan produk utama di kedainya.

Dia yang menjual makanan tradisional Terengganu seperti keropok lekor, keropok keping, nisan nyur dan serunding berkata, telur penyu masih mempunyai permintaannya tersendiri terutama dalam kalangan generasi lama tempatan selain pelancong yang mahu mencuba.

Nada yang sama disuarakan seorang lagi peniaga, Ismail Awang, 55, yang memberitahu, dia tidak mempunyai masalah untuk menghentikan penjualan telur penyu kerana bekalan makanan eksotik itu semakin berkurangan sejak akhir-akhir ini.

Katanya, dia dan peniaga-

peniaga lain cuma mendapat bekalan antara 50 hingga 70 biji telur penyu sebulan berbanding hampir 1,000 biji sebelum ini.

"Sudah lama kami tidak menerima bekalan telur penyu dari Sabah. Sebenarnya telur penyu yang mendarat di pantai Pantai Terengganu paling mendapat permintaan ramai kerana dikatakan lebih berkualiti."

"Apa pun saya harap pengawal kuasa dapat diperketatkan selepas pengharaman telur penyu ini. Jangan pula timbul masalah penjualannya di pasaran gelap selepas ini," ujarnya.

Pindaan Enakmen Penyu Terengganu 1951 bagi mengharumkan penjualan telur penyu berkait klaus talun depan akan dibentangkan kerajaan negeri Terengganu pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dijadual berlangsung sehingga lusa untuk kelulusan.

TELUR penyu yang dijual mencetah RM10 sebiji di Pasar Besar Kedai Payang semalam.

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		30	17/11/2021
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

Kerang kampak rezeki penduduk pantai Bachok

Oleh TOREK SULONG
utusannews@mediamulia.com.my

BACHOK: Kawasan pesisir Pantai Baru dan Kuala Melawi, di sini menjadi tumpuan orang ramai selepas ribuan kerang kampak atau *scallop* ditemukan terdampar di situ sejak beberapa hari lalu.

Difahamkan, kehadiran kerang kampak di pesisiran pantai itu mula dikesan beberapa nelayan tempatan yang sedang menjala ikan belanak pada pagi Sabtu.

Nelayan di Pantai Baru, Zahari Che Ali, 42, memberitahu *Utusan Malaysia*, kali terakhir spesies yang dikategorikan jarang dijumpai itu muncul di pesisir pantai Bachok ialah kira-kira 20 tahun lalu.

Menurutnya, ribuan kerang itu timbul di permukaan air laut bersama hembusan ombak sebelum terdampar di tepi pantai sekali gus memudahkan orang ramai mengutipnya.

"Sabtu lalu saya keluar untuk menjala ikan belanak tetapi selepas melihat ribuan kerang ini terdampar di pantai, saya segera berlari pulang ke rumah kira-kira 200 meter dari pantai untuk



ZAHARI Che Ali menggunakan sauk besar untuk menangkap kerang kampak di Pantai Baru, Bachok, semalam. - UTUSAN/TOREK SULONG

mengambil sauk.

"Memang ini rezeki luar jangka. Pada hari pertama saya mengutip lebih 100 kilogram kerang kampak dalam tempoh

tiga jam menggunakan sauk bersaiz besar," katanya ketika ditemui di Pantai Baru, di sini semalam.

Zahari berkata, dia menjual

kerang tersebut dengan harga RM5 sekilogram manakala harga runcit kerang itu boleh mencapai RM10 sekilogram.

"Selepas dimasak di restoran makanan laut, harganya mampu mencapai RM50 sekilogram," katanya yang menganggap kerang itu sebagai rezeki musim tengkujuh setelah hamir dua minggu tidak dapat ke laut.

Nelayan di Kuala Melawi, Ismail Deraman, 44, pula berkata, sebaik sahaja menyedari kehadiran kerang kampak, dia tidak membuat masa dengan menggunakan jala yang ada untuk mengumpulkan kerang tersebut.

"Rezeki ini di luar jangkaan kerana datang tiba-tiba ketika kami gagal turun ke laut. Bukan sekadar menjadi lauk istimewa buat keluarga, tetapi boleh dijual sebagai sumber pendapatan tambahan."

"Kerang ini sedap digoreng ringkas, dibuat tiga rasa atau sup. Selepas tular di Facebook, semakin ramai orang datang mencari kerang ini sehingga makin berkurangan hari ini berbanding Sabtu dan Ahad lalu," katanya.